

Allah mencintai seseorang yang membawa orang lain mencintai-Nya

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

WSS

2012 | PP 15048/05/2012 (029644) |

• MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No.

40

Wacana mengenai penyerlahkan 1001 'ibrah dan hikmah, dengan syarat tidak dibauri atau dicemari oleh kepentingan diri dan kecelaruan emosi.

Di sinilah uniknya kehidupan Rasulullah s.a.w. mempunyai pelbagai warna dan citra.

Poligami ialah satu warna yang turut melakarkan keindahan dan keunikan itu!

MISTERI POLIGAMI

36

**Tanam, Bajai dan
Tuailah Rasa Khauf**

48

**Kerana Kerja
Terabai Cinta**

65

**Pelepasan daripada
Api Neraka**

108

**Hijabista: Identiti
atau Ikutan?**

ISSN 1985-5400



9 771985 540003

39

RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
(Incorporated in Malaysia)

TELAGA BIRU SDN. BHD.

Meraih Kasih

Ilahi

Dalam siri yang lepas, dapat difahami bahawa iman boleh bertambah dan kadang-kadang iman tetap begitu sahaja tanpa ada apa-apa pertambahan. Rugilah bagi insan yang imannya tidak bertambah. Dan bertambah rugi mereka yang imannya semakin menyusut.

Keimanan yang sentiasa bertambah menjadi asas untuk mendapat kasih Ilahi. Pertambahan iman dinilai berdasarkan kepatuhan kepada tuntutan agama yang

bersifat fardu atau wajib. Ini difahami menerusi sabda Nabi s.a.w. dalam sebuah hadis kudsi, apabila Allah berfirman, maksudnya:

"Dan seseorang hamba tidak mendekati-Ku (mendekatkan dirinya) dengan sesuatu pekerjaan yang paling Aku kasihi daripada apa yang Aku fardukan atasnya..." (Riwayat al-Bukhari)

Tuntutan agama yang bersifat fardu atau wajib adalah perkara paling penting dalam kehidupan Muslim. Kewajipan melaksanakan solat mestilah dijaga sebaik mungkin. Begitu juga dengan ibadah fardu yang lain.

Untuk menambahkan lagi iman agar mendapat lebih kasih Ilahi, amalan soleh yang fardu sewajarnya ditambahkan dengan amalan soleh yang bersifat sunat. Firman Allah dalam hadis kudsi yang bermaksud: "Dan hamba-Ku sentiasa mendekati dirinya kepada-Ku dengan amalan-amalan *nawafil* (sunat) sehingga Aku mengasihinya." (Riwayat al-Bukhari)

Pengasihinya Allah

Betapa kasihnya Allah kepada kita dapat diperhatikan dalam tuntutan perkara-perkara fardu iaitu:

Perkara fardu yang sedikit

- Solat wajib sebanyak lima kali sehari sahaja, malah ia boleh dikurangkan dan dihimpunkan mengikut keadaan.
- Pembayaran zakat sekadar 2.5% sahaja daripada harta, bukannya 25%.
- Pelaksanaan puasa selama sebulan dalam setahun, iaitu pada siang hari bulan Ramadan sahaja dan dibenarkan berbuka pada waktu malam.

Perkara fardu yang mudah

- Mengerjakan solat fardu mudah kerana bilangan rakaat yang tidak banyak dan tidak mengambil masa yang lama.
- Mudah dan menguntungkan dalam pelaksanaan solat kerana mendapat manfaat fizikal (kerehatan badan) dan rohani (ketenangan hati).
- Berpakaian dengan apa-apa jua jenis pakaian selagi mematuhi ketetapan syarak.

Begitulah sifat ibadah fardu yang memudahkan umat Islam. Selain mudah, ia juga mempunyai manfaat dan kebaikan untuk diri dan masyarakat.

Syaitan Menyuntik Kesesatan

Kekeliruan berlaku dalam masyarakat apabila ada segelintir manusia yang lebih mengutamakan amalan sunat berbanding amalan fardu. Hujahnya kerana amalan fardu adalah amalan biasa. Ramai umat Islam yang melaksanakan ibadat fardu seperti solat, puasa dan zakat serta amalan-amalan lain yang bersifat wajib, tetapi sayang sekali kerana ia dilaksanakan sambil lewa sahaja. Sebaliknya amalan sunat jarang diambil berat oleh masyarakat Muslim. Oleh sebab itu, penekanan mesti difokuskan kepada amalan sunat, bukannya amalan fardu.

Sesungguhnya ini merupakan salah satu cara syaitan menggoda dan menipu manusia agar jauh daripada mendapat kasih Ilahi. Amalan sunat yang banyak tidak bermanfaat jika amalan fardu tidak dilaksanakan.

Sebuah rumah mempunyai lantai, dinding, tiang dan sebagainya. Itulah perkara fardu bagi sebuah rumah. Namun untuk menghiasi rumah, ia perlu dicat, disapu dan diletakkan dekorasi tertentu. Itu pula perkara sunat bagi sebuah rumah. Inilah analogi mudah yang menggambarkan hubungan antara amalan fardu dan amalan sunat.

Oleh sebab itu, fokus dan utamakan amalan fardu. Kemudian iringilah ia dengan amalan sunat. Tidakkah kita mengetahui dalam satu hadis terdapat seorang sahabat Nabi datang bertemu dengan Nabi s.a.w. dan bertanya satu soalan yang besar? Beliau bertanya tentang masa kiamat akan berlaku. Persoalan ini adalah persoalan yang besar kerana ia berkaitan dengan hari kiamat. Nabi s.a.w. tidak menjawab soalnya secara terus, sebaliknya Baginda bertanya pula kepada lelaki tersebut tentang persediaannya menghadapi kiamat. Sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud: "Apakah yang kamu persiapkan untuk hari kiamat?"

Beliau menjelaskan bahawa ibadatnya tidak banyak. Solat dan puasanya sedikit, begitu juga dengan sedekahnya. Sedikitnya ibadat solat, puasa dan sedekah dihuraikan oleh sebahagian ulama sekadar melaksanakan yang fardu tanpa amalan sunat. Walaupun sedikit, kasihnya kepada Allah dan Rasulullah tidak berbelah bahagi.



Mohammad Nidzam Abd. Kadir (Al-Jarumi)

Lulusan diploma KUSZA, Sarjana Muda Universiti al-Azhar, Kaherah dan Ijazah Sarjana dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Juga mempunyai pengalaman pengajian di Pondok Pasir Tumboh, Kelantan. Kini penyarah di UIAM. Boleh dihubungi di e-mel: nidiium@yahoo.com.

Mendengar jawapan tersebut, Nabi s.a.w. menjelaskan bahawa lelaki tersebut akan bersama-sama dengan insan yang Dia kasih.

Hadiah untuk Kekasih Allah

Kekasih Ilahi berada pada kedudukan yang sangat mulia. Nabi Muhammad s.a.w. digelar sebagai "habibullah" yang bermaksud kekasih Allah. Menurut Ibn 'Illan dalam kitabnya *Dalil al-Falihin*, kasih Ilahi ialah petunjuk daripada Allah terhadap seseorang kepada perkara yang diredai-Nya. Contohnya, seorang hamba mudah melakukan perkara baik sama ada ia kerana Allah atau untuk masyarakat. Seseorang yang Allah kasih mudah melakukan ketaatan. Ia mudah untuk melakukan kebaikan dan membantu insan lain.

Berkemungkinan sifat malas beribadah, liat untuk bangun menunaikan solat, payah untuk membaca al-Quran, suka kepada perkara-perkara maksiat dan tidak

umpatan dan sebagainya. Matanya terpinpin untuk melihat perkara yang baik. Kuat matanya untuk melihat al-Quran. Namun matanya tidak selesa melihat perkara yang haram. Begitu juga dengan tangan dan kaki seseorang. Tangannya membuat perkara yang Allah redai. Jika tangan menulis dengan bahasa yang kasar, berbuat dusta dan fitnah, dia berasa bimbang jika ia jauh daripada mendapat kasih Ilahi.

Ibn 'Illan menjelaskan maksud hadis ini: "Hakikatnya ini adalah majaz atau kinayah (kiasan) bantuan Allah kepada hamba-Nya yang mendekatkan diri kepada-Nya dengan perkara yang disebutkan (iaitu amalan fardu dan sunat) dan pertolongan Allah, inayat-Nya serta penjagaan bagi semua urusannya..."

Kasih Ilahi juga memberikan seseorang insan kemustajaban dalam doa. Doa yang dipohon kepada Allah diterima dengan baik dan mudah ditunaikan. Inilah janji Allah menerusi firman-Nya dalam hadis kudi yang bermaksud: "Dan jika dia me-

Orang yang Allah kasih akan dipimpin ke arah kebaikan. Pendengarannya tidak mendengar melainkan perkara yang baik. Matanya terpinpin untuk melihat perkara yang baik. Begitu juga dengan tangan dan kakinya, hanya membuat perkara yang Allah redai.

berfaedah adalah tanda-tanda kurangnya kasih Allah kepada kita. Nauzubillah. Jika sifat-sifat ini ada pada diri kita sendiri, maka sewajarnya kita segera berubah.

Kasih Ilahi juga memberikan satu kelebihan apabila Allah berfirman lagi dalam hadis kudi, maksudnya: "Apabila Aku mengasihinya, maka Aku menjadi pendengarannya yang ia mendengar dengannya, menjadi penglihatannya yang ia melihat dengannya, menjadi tangannya yang ia memegang dengannya dan menjadi kakinya yang ia berjalan dengannya..." (Riwayat al-Bukhari)

Hadis ini memberi pengajaran yang bermaksud bahawa orang yang Allah kasih akan dipimpin ke arah kebaikan. Pendengarannya tidak mendengar melainkan perkara yang baik. Pendengarannya akan berasa tidak selesa apabila mendengar fitnah, cacian, pembohongan,

minta kepada-Ku nescaya Aku akan beri kepadanya..." (Riwayat al-Bukhari)

Ramai insan yang berdoa kepada Allah, namun bagaimana pula keadaan diri kita yang berdoa? Sudah tentu doa seorang hamba yang soleh dan bertakwa lebih mudah Allah kabulkan. Terdapat banyak cerita tentang golongan yang mustajab doanya yang boleh kita ambil pengajaran daripadanya.

Kasih Ilahi juga memberikan perlindungan daripada perkara yang ditakuti. Firman Allah, maksudnya: "Dan jika dia meminta perlindungan-Ku, nescaya Aku akan melindunginya." (Riwayat al-Bukhari)

Marilah kita berusaha dalam meraih kasih Ilahi sebaik mungkin. Keimanan dan aqidah sebenar disertai ibadat yang ikhlas akan membuahkan hasil. Inilah antara tujuan menjaga aqidah yang benar serta menyuburkannya.